

BH-12/6/2007.

# 'Kakitangan awam kena rajin, amanah'

**J**OHOR BAHRU: Sultan Johor, Sultan Iskandar meminta kakitangan kerajaan bekerja dengan rajin, ikhlas dan amanah dalam membantu usaha membangunkan ekonomi dan memberi khidmat kepada rakyat.

"Rakyat pula hendaklah hidup muafakat kerana muafakat itu berkat," titah baginda ketika merasmikan persidangan Dewan Negeri Johor di sini semalam.

Baginda bertitah, ekonomi Johor terus berkembang dan negeri itu menjadi tempat melabur yang menarik.

"Bidang perkilangan dan bidang baru yang membawa nilai ekonomi tinggi iaitu pendidikan kewangan, kesihatan, pengangkutan dan pelancongan, telah terus berkembang," titah baginda.

Baginda juga bertitah bahawa kemudahan di bidang pendidikan, kesihatan, perhubungan, keselamatan dan alam sekitar terus dibangunkan untuk dinikmati oleh rakyat. - Bernama